Bil. 5/2021 | Mei | www.library.uitm.edu.my
ISSN : 2735-1920

# IQRA'

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقرأ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my




LIVE HD Tazkirah Ramadhan : Andainya Ini Ramadhan Terakhir UiTM Cawangan S. Alam — m/s 6

LIVE HD Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara UiTM Cawangan Shah Alam — m/s 7

LIVE HD Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu UiTM Cawangan Terengganu — m/s 13

Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Surah Al-Mulk UiTM Cawangan Sarawak — m/s 26

Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan — m/s 15

Hak Cipta Terpelihara PTAR

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah




Bagi penerbitan eInfoDiscovery@Library Vol. 5/2021, Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun membawa para pembaca untuk menyingkap beberapa peristiwa sejarah di daerah Dungun, Terengganu, yang sudah kian hilang dibawa arus permodenan. Sejarah negara sememangnya membawa kita mengenal asal-usul sekaligus menanamkan sifat cintakan bangsa dan setia kepada negara yang kita cintai ini.

Imbas kod QR pada gambar untuk akses penuh berita atau layari https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions .

Semoga perkongsian ini bermanfaat kepada semua.



PENGENALAN

DAERAH DUNGUN

Dungun merupakan salah sebuah daripada daerah di Terengganu. Daerah ini diuruskan oleh Majlis Perbandaran Dungun (MPD).

Daerah ini menempatkan 1 Parlimen (Parlimen Dungun) dan 4 Dewan Undangan Negeri - DUN (DUN Rantau Abang, DUN Bukit Besi, DUN Sura dan DUN Paka).

Terdapat sebelas mukim dalam daerah ini iaitu Kuala Abang, Sura, Kuala Dungun, Paka, Kumpal, Rasau, Hulu Paka, Besol, Jengai, Pasir Raja, dan Jerangau.

LAMBANG DAERAH

Gambar 2: Bendera Daerah Dungun

Bendera daerah Dungun menggunakan warna biru laut yang melambangkan hasil perikanan dan pelancongan terutamanyanya Penyu belimbing.

SEJARAH AWAL DUNGUN

Daerah Dungun merupakan sebuah daerah di dalam negeri Terengganu terletak di bahagian tengah selatan. Berkeluasan kira-kira 1,018.4 batu persegi bersempadan dengan daerah Kemaman di bahagian selatan dan dibahagian utara pula bersempadan dengan daerah Marang. Sementara itu Kuala Dungun merupakan bandar terpenting menjadi pusat pentadbiran yang menempatkan hampir semua jabatan kerajaan.

Dungun mendapat nama menerusi pokok Dungun iaitu sejenis pokok yang tumbuh di kawasan paya air tawar serta dipercayai dibuka oleh mereka yang datang dari Pagar Ruyung, Sumatera.

Ianya berdasarkan kepada 2 faktor utama :-
i) Kebanyakkan orang Dungun pada suatu masa dahulu berasal dari kepulauan Indonesia yang berhijrah ke sini.
ii) Nama-nama kampung di Dungun terdapat juga di Indonesia seperti Kampung Binjai, Kampung Bemban, Kampung Gombang, Kampung Lentang, Kampung Raja Wali, Kampung Serdang dan sebagainya.



ITM KAMPUS DUNGUN

Tanggal 1 Julai 1975 merupakan sejarah penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) Kampus Dungun di Sura Gate, Dungun, Terengganu. Kampus sementara ini mencatatkan keluasan seluas 17 ekar yang merupakan peninggalan sebuah Syarikat Bijih besi yang disewa daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PERMINT).

Rata-rata sumber menyatakan pada masa itu terdapat 22 buah bangunan kayu yang digunakan sebagai bangunan pentadbiran, bilik-bilik kuliah, perpustakaan dan asrama siswi. Sementara itu terdapat beberapa bangunan seperti di Union Club, Sungai Udang dan Sungai busya dijadikan asrama untuk para siswa.

19 Oktober 1978, perletakan batu asas kampus tetap ITM Kampus Dungun telah disempurnakan oleh Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah di Sura Hujung.

19 Oktober 1978, perletakan batu asas kampus tetap ITM Kampus Dungun telah disempurnakan oleh Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah di Sura Hujung. Kawasan ini meliputi 1,306,536 meter persegi iaitu 342,536 meter persegi di kawasan yang bersempadan pantai Laut China Selatan dan 964,000 meter persegi di kawasan bukit Seberang Sura.

ITM KAMPUS DUNGUN

Pembangunan kampus tetap di Sura Hujung dilaksanakan secara berperingkat-peringkat melalui beberapa fasa. Hasil perlaksanaan 4 fasa tersebut dan pembangunan fizikal di dalam Rancangan Malaysia ke-6 dan ke-7, kini UiTM Kampus Dungun telah membangunkan keseluruhan kawasan di sebelah pantai dan 500,00 meter persegi di seberang tasik.

Walaupun kampus tetap di Sura Hujung telah dibina pada tahun 1982, namun kampus Sura Gate masih digunakan untuk Kajian Sains Kesetiausahaan dan Sijil Perkhidmatan Hotel & Restoran. Walaubagaimana pun, pada tanggal 30 April 1998, setelah beroperasi selama hampir 23 tahun, kampus Sura Gate akhirnya dikembalikan kepada kerajaan negeri sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, semua aktiviti dan penempatan pelajar adalah berpusat di kampus Sura Hujung dengan meninggalkan pelbagai kenangan.

Seterusnya pada tahun 1996, ITM telah dinaik taraf menjadi sebuah universiti.

Pada tahun 1996, ITM telah dinaik taraf menjadi sebuah universiti. Namun begitu namanya tidak ditukar sehinggalah pada 26 Ogos 1999, semua Institut Teknologi MARA dengan rasminya dinamakan sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM).